

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

# 09 PPSP USM WUJUDKAN 'DIRECTORY OF EXPERTISE'

SEP



KUBANG KERIAN, KELANTAN, 8 September 2016 – Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) melancarkan laman sesawang 'Directory of Expertise' ([www.medic.usm/expertsppsp](http://www.medic.usm/expertsppsp)) bagi menarik minat lebih ramai penyelidik di dalam dan luar negara meneroka kepakaran bersama sebagai platform untuk kepakaran pensyarah-pensyarah PPSP dalam satu pangkalan data.

Menurut Timbalan Dekan Penyelidikan PPSP yang juga Pengerusi Jawatankuasa 'Directory of Expertise', Profesor Dr. Rosline Hassan, pangkalan data ini memudahkan bakal penyelidik dan siswazah serta agensi dan pelbagai institusi dari serata dunia memilih bidang kepakaran untuk terokai melalui carian yang disediakan.



Jelasnya, usaha ini adalah sebahagian daripada hasrat untuk merealisasikan keputusan makmal 'Branding and Global Prominence' dalam menonjolkan penyelidikan pensyarah sebagai rujukan yang mengandungi maklumat seperti hasil penyelidikan, profil pensyarah secara umum, penerbitan, penyelidikan, anugerah serta yang uniknya dalam profil setiap pensyarah dimasukkan juga Scopus ID, research ID dan Orcid ID.

Pelancaran disempurnakan oleh Dekan PPSP, Profesor Dr. Ahmad Sukari Halim.

Teks/Foto: Shazleen Hashim



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015